

SOALAN NO: 198

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]
TARIKH :
SOALAN : 198**

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) bilangan pesakit yang dirawat di 'National Cancer Centre' sejak penubuhannya sehingga kini; dan
- (b) apakah pencapaian penyelidikan serta pembangunan dalam aspek rawatan dan perubatan baru bagi penyakit kanser supaya lebih berkemampuan untuk golongan pesakit B40 dan M40.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 'National Cancer Institute ' atau Institut Kanser Negara (IKN) mula diduduki pada 2 hb September 2013. Berikut adalah bilangan pesakit yang dirawat mengikut tahun sejak beroperasi:-

Tahun	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Rawatan Harian	Kecemasan Kanser	Jumlah Keseluruhan
2013	69	506	-	3	578
2014	2,929	11,495	2,999	704	18,127
2015	5,416	21,638	6,149	1,373	34,576
2016	7,781	29,805	7,816	2,036	47,438
2017 (Jun)	4,305	17,199	4,349	1,197	27,050

- (b) Dari segi penyelidikan sehingga 30 Jun 2017, IKN telah menjalankan **kajian Investigator Initiated Research (IIR)** sebanyak 14 dan **Industrial Sponsored Research (ISR)** sebanyak 6 yang mana melibatkan semua jabatan di IKN.

Berikut adalah statistik bagi tahun 2014 sehingga kini:

Jenis Penyelidikan	Tahun			
	2014	2015	2016	2017 (Jan-Jun)
<i>Investigator Initiated Research (IIR)</i>	9	48	72	14
<i>Industry Sponsored Research (ISR)</i>	0	1	2	Awarded 6 study

Rawatan Kanser sedang melalui pembangunan yang pesat baik dari segi teknologi rawatan radioterapi serta rawatan kemoterapi. Teknik rawatan radioterapi yang 'advanced' seperti stereotactic radiosurgeri (SRS) dan Intensity Modulated Radioterapy (IMRT) berupaya untuk membunuh sel kanser secara tepat. Rawatan ini terdapat di beberapa fasiliti hospital KKM seperti di HKL dan IKN. Rawatan yang sama boleh mencecah sehingga RM 30-40 ribu satu

sesi di hospital swasta tetapi hanya berharga kurang daripada RM 500 di hospital kerajaan., manakala RM 6 (kelas 3) untuk di hospital kerajaan. Untuk pesakit yang tidak berkemampuan, rawatan kanser tidak akan terjejas.

Walaupun dengan kekangan masa, fasiliti dan “manpower”, Pakar-Pakar onkologi menyertai secara aktif penyelidikan rawatan kanser dan ini memberi peluang kepada pesakit untuk menerima rawatan baru pada harga percuma.

Beberapa teknik rawatan Radioterapi baru yang telah di bangunkan di IKN seperti :

- i. Prostate Seed Implant (Pertama di Fasiliti kerajaan)
- ii. Image Guided Brachytherapy (IGBT)
- iii. Stereotactic Body Radiotherapy (SBRT)
- iv. Intensity Modulated Radiotherapy(IMRT)
- v. Peptide Receptor RadionuclideTherapy (PRRT)
- vi. Selective Internal Radiation Therapy (SIRT)